



MURID dan guru dari daerah Kota Marudu gembira dapat menjajakan kaki ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Murid Kota Marudu gembira kunjungi UMSKAL

UB 31.10.2014 814

SERAMAI 74 murid Tahun Enam dari daerah Kota Marudu gembira mengunjungi Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Murid berkenaan mewakili lapan buah sekolah rendah asrama desa Kota Marudu diiringi 32 guru dan anggota khidmat pelaksana.

Lapan buah sekolah rendah itu ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Taringai Darat, SK Lampada, SK Korumoko, SK Marak Parak, SK Malangkap, SK Gana, SK Samparita dan SK Simpangan.

Penolong Pegawai Kokurikulum Menengah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Marudu Jimson Majimal berkata, lawatan sambil

belajar itu adalah untuk memberi ruang dan peluang serta pendedahan kepada murid dari kawasan pedalaman itu menikmati suasana di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, melalui lawatan itu akan menaikkan semangat murid untuk gigih berusaha bagi melanjutkan pengajian tinggi mereka di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) khususnya UMS.

“Lawatan itu juga memberi peluang kepada guru dan murid melihat pembangunan pesat Labuan yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984,” katanya.

Menurutnya, walaupun terpaksa menempuh perjalanan yang agak

jauh namun banyak pengalaman mereka perolehi termasuk menaiki feri kenderaan dari Menumbok ke Labuan selain bas dari Kota Marudu.

Beliau yang mewakili Pegawai Pendidikan Daerah Kota Marudu Jidin Janaun berharap lawatan itu akan memberi manfaat yang sangat berguna kepada mereka yang bakal menjadi pemimpin negara satu hari kelak.

Jimson mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai, guru besar dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid yang bekerjasama menjayakan lawatan ke Wilayah Persekutuan Labuan itu.

Selain UMSKAL, rombongan yang juga disertai Penggerusi Majlis Guru

Besar Kota Marudu George Elang itu turut melawat Taman Burung Labuan, Muzium Marin, Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua selain menikmati panorama menarik di pusat bandar.

Timbalan Pendaftar UMSKAL Zamri Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengucapkan terima kasih kepada murid dan guru dari Kota Marudu yang menjadikan universiti itu sebagai destinasi utama lawatan mereka ke pulau bebas cukai itu.

Beliau berharap pendedahan suasana di universiti mampu menarik lebih ramai pelajar dari daerah itu melanjutkan pelajaran di UMSKAL.